

BH/11/19 m/s48

WCE pacu ekonomi anjung utara Selangor

Shah Alam: Pembinaan Lebuh-
raya Pesisiran Pantai Barat
(WCE) dapat memberi impak be-
sar dan memacu pembangunan
ekonomi anjung utara di negeri
ini, kata Menteri Besar, Amiru-
din Shari.

Beliau berkata, ini kerana pe-
ningkatan aliran trafik melalui
WCE akan memberi limpahan
ekonomi kepada penduduk di Sa-
bak Bernam, Sungai Besar, Tan-
jong Karang, Kuala Selangor dan
Hulu Selangor.

"Pada masa sama, kerajaan ne-
geri juga meminta EXCO kera-
jaan negeri yang berkaitan me-
lihat potensi pembangunan yang
sewajarnya dibangunkan di ka-
wasan terbabit," katanya menja-
wab soalan tambahan Ahmad
Mustain Othman (PH-Sabak) ber-
hubung jumlah peruntukan kera-
jaan negeri kepada daerah Sabak
Bernam pada sidang Dewan Un-
dangan Negeri (DUN) Selangor,
di sini, semalam.

WCE sepanjang 233 kilometer
dibina dengan kos keseluruhan
RM5.044 bilion dengan RM3.122
bilion adalah kos bagi pakej pem-
binaan di Selangor, manakala
RM1.922 bilion lagi membabitkan
pakej pembinaan di Perak.

Jajaran WCE di Selangor ber-
mula dari Jalan Banting-KLIA
(B18) hingga Persimpangan Ber-
tingkat Tanjong Karang sepan-
jang 93.8 kilometer, manakala di
Perak bermula dari Jalan Perse-
kutuan (FR5) di Hutan Melintang
ke Plaza Tol Changkat Jering se-
panjang 139.2 kilometer.

Sementara itu, Amirudin ber-
kata, kerajaan negeri tidak per-
nah meminggirkan kawasan uta-
ra di negeri itu.

"Pelbagai usaha diambil dan
setakat ini, kita masih mempu-
nyai ekonomi hiliran serta per-
khidmatan di kawasan ini.

"Antaranya, Gugusan Ekope-
lancongan bagi kawasan Kuala
Selangor, Taman Negeri, Pesisir-
an Pantai Morib dan Sungai Pe-
lek.

"Selain itu, kita turut melak-
sanakan Gugusan Perikanan dan
Akuakultur di Kuala Selangor
dan Sabak, manakala Gugusan
Pertanian dan Industri Asas Tani
bagi kawasan Tanjong Karang
dan Sungai Air Tawar," katanya.

BERITA HARIAN

13 NOV 2019

TARIKH.....

 **Pelbagai usaha
diambil dan
setakat ini, kita masih
mempunyai ekonomi
hiliran serta
perkhidmatan
di kawasan ini.**

**Amirudin Shari,
Menteri Besar Selangor**